

# KEMPEN GOLD FEST

## **TERMA DAN SYARAT**

### **A. SYARAT PENYERTAAN**

1. Kempen ini merupakan kempen eksklusif yang terbuka kepada semua pemegang Kad Kredit-i Bank Rakyat (utama dan tambahan) termasuk semua warga kerja (selepas ini dirujuk sebagai Peserta) kecuali pemegang Kad Kredit-i Korporat.
2. Akaun Kad Kredit-i Bank Rakyat Peserta mestilah berstatus aktif.
3. Dengan mengambil bahagian dalam kempen ini, Peserta bersetuju bahawa:
  - a. Kelayakan untuk menyertai kempen ini adalah tertakluk pada Terma dan Syarat Kad Kredit-i Bank Rakyat, Terma dan Syarat yang terkandung di sini serta terma lain yang ditetapkan oleh Bank Rakyat dari semasa ke semasa.
  - b. Peserta telah membaca, memahami dan dengan ini secara nyata bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini.

### **B. TEMPOH KEMPEN**

1. Tempoh kempen: 15 September sehingga 31 Disember 2024.
2. Sebarang transaksi atau pembelian yang dilakukan oleh Peserta selepas tempoh kempen tidak akan dikira sebagai penyertaan.
3. Bank Rakyat boleh menukar atau meminda tempoh kempen sekiranya perlu.

### **C. MEKANISME KEMPEN**

1. Kempen ini terbahagi kepada dua kategori seperti di bawah:
  - a. Belanja dan menang (sila rujuk pada item B sehingga E)
  - b. Pulangan tunai (sila rujuk pada item F)
2. Peserta perlu melakukan transaksi pembelian emas (patuh Syariah) menggunakan Kad Kredit-i Bank Rakyat .
3. Transaksi pembelian runcit yang layak daripada kategori kod merchant (MCC) seperti berikut:

- a) 5944 – Peniaga yang menjual jam dan jam tangan; logam berharga; barang kemas halus seperti berlian atau batu berharga lain yang dipasang pada logam berharga; dan perak sterling serta pinggan mangkuk dan aksesori bersalut, seperti pinggan, mangkuk sajian, trivet dan kendi. Peniaga sedemikian juga boleh menjalankan kerja pembaikan.
4. Kempen ini hanya terhad kepada pembelian emas di kedai sahaja dan tidak termasuk pembelian secara dalam talian.

#### D. HADIAH KEMPEN

1. Kempen Gold Fest ini menawarkan hadiah-hadiah seperti berikut:

Kategori	Hadiah	Bilangan Pemenang
Tempat Pertama	Pakej Percutian bernilai RM20,000.00	1
Tempat Kedua	MacBook Pro	1
Tempat Ketiga	65-inch TV	1
Tempat Keempat	iPhone 15	1
Tempat Kelima	Dyson Hair Dryer	1
Hadiah Sagu Hati	Baucar Emas RM500 X 65	65

2. Peserta perlu melakukan transaksi pembelian emas (patuh Syariah) menggunakan Kad Kredit-i Bank Rakyat dengan pembelian terkumpul minimum RM1,500.00 untuk melayakkan satu penyertaan dan berpeluang memenangi hadiah yang ditawarkan.
3. Bank Rakyat boleh menukar atau menggantikan hadiah sedia ada dengan tawaran lain yang setimpal (sekiranya perlu) berdasarkan keperluan.
4. Hadiah yang ditawarkan tidak boleh dipindahkan kepada akaun pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau barang.

## E. PEMILIHAN PEMENANG

1. Semua pemenang hadiah akan dipilih secara rawak melalui sistem pengundian berkomputer.
2. Warga kerja Bank Rakyat hanya layak menerima hadiah sagu hati sahaja bagi kempen ini.

## F. PULANGAN TUNAI

1. Bank Rakyat turut menawarkan tawaran istimewa iaitu pulangan tunai bagi sebarang pembelian transaksi barang kemas dari **28 September – 28 Oktober 2024** atau **sehingga had RM50,000** habis digunakan (tertakluk pada mana-mana yang selesai dahulu)
2. Tiada jumlah minimum dalam satu resit atau penggunaan terkumpul diperlukan untuk layak menerima pulangan tunai.
3. Pulangan tunai sebanyak 1% yang diperoleh menerusi penggunaan kad (utama dan tambahan) akan dikreditkan dan dipaparkan pada penyata bulanan peserta.
4. Warga kerja Bank Rakyat juga layak menerima pulangan tunai ini.
5. Tiada had ditetapkan untuk bilangan transaksi yang boleh dilakukan sepanjang tempoh kempen berlangsung.
6. Keterangan bagi jumlah pulangan tunai yang diperoleh menerusi transaksi yang dilakukan oleh peserta pada bulan semasa akan dipaparkan dalam penyata Kad Kredit-i pada bulan berikutnya.

## G. LAIN-LAIN

1. Dengan menyertai kempen ini, Peserta bersetuju dan membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Bank Rakyat mengikut Notis Privasi Bank Rakyat yang boleh dilihat di [www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my).
2. Dengan menyertai kempen ini, Peserta telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat rasmi yang terkandung disini, termasuk Keputusan yang dibuat oleh Bank Rakyat yang dianggap muktamad.
3. Dengan menyertai kempen ini, Peserta bersetuju untuk membenarkan Bank Rakyat, anak syarikat, pemegang lesen, pengarah, pegawai, ejen, kontraktor bebas dan agensi pengiklanan menggunakan nama pemegang kad dan butiran peribadi (jika diperlukan) untuk tujuan komunikasi, promosi, secara keseluruhan, dalam mana-mana dan semua

media untuk keluaran segera atau yang telah dirancang, tanpa bayaran tambahan, melainkan jika dilarang oleh undang-undang.

4. Melainkan diperuntuk secara khusus atau sebaliknya, Bank Rakyat boleh meminda, membatalkan atau menambah Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu di laman sesawang Bank Rakyat atau medium komunikasi yang bersesuaian dan sebarang pindaan, pembatalan atau penambahan berkuat kuasa selepas notis dikeluarkan. Pemegang kad bersetuju untuk terikat dengan sebarang pindaan tersebut.
5. Bank Rakyat boleh mencetak atau menyiaran nama dan gambar pemegang kad untuk tujuan promosi dalam akhbar, majalah, laman sesawang korporat Bank Rakyat atau mana-mana saluran media yang bersesuaian.
6. Bank Rakyat boleh menolak dan/atau mengeluarkan sebarang penyertaan yang tidak tepat, tidak lengkap, mencurigakan, manipulasi dan tidak sah serta tidak memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat.
7. **PENAFIAN:TERTAKLUK PADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT DAN ANAK SYARIKATNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PEMEGANG KAD ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA (KECUALI UNTUK LIABILITI YANG TIMBUL DARIPADA KECUAIAN MELAMPAU, SALAH LAKU, SENGAJA, FRAUD ATAU KEINGKARAN SENGAJA BANK RAKYAT) UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TELADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN DALAM KEMPENINI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APATUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA, DAN SAMA ADA PEMEGANG KAD TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.**
8. Bank Rakyat tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, kehilangan, kekurangan, makluman atau apa-apa koresponden sama ada melalui e-mel, surat atau mana-mana medium komunikasi.
9. Bank Rakyat tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkinan yang disebabkan bencana alam, perang, rusuhan, perintah berkutung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan sistem atau sebarang situasi di luar kawalan Bank Rakyat.
10. Terma dan Syarat ini tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.
11. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1-300-80-5454; atau hubungi Pusat Kad Bank Rakyat di talian 03-26936880; atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Rakyat; atau layari laman sesawang Bank Rakyat di [www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my).